

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 ( 17 )

21 Mac 2025  
20 Ramadan 1446

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 15/2025

Semua Staf Akademik  
Universiti Teknologi Malaysia

### IKLAN JAWATAN KETUA KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (CAWANGAN PAGOH)

Dimaklumkan bahawa permohonan bagi jawatan Ketua Kampus Universiti Teknologi Malaysia (Cawangan Pagoh) adalah dibuka untuk permohonan bermula dari 21 Mac 2025.

2. Sehubungan dengan itu, semua staf yang layak boleh mengemukakan permohonan masing-masing untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut dengan melengkapkan borang permohonan di pautan, [registrar.utm.my/kkc](http://registrar.utm.my/kkc).
3. Semua permohonan perlu dihantar sebelum atau pada **4 April 2025 (Jumaat)** melalui borang permohonan yang telah disediakan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD ZAIRES BIN MD DARIS)**

Menjalankan Fungsi Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Ketua Kampus UTM (Cawangan Kuala Lumpur)
  - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

**IKLAN JAWATAN KETUA KAMPUS  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (CAWANGAN PAGOH)**

**1. MAKLUMAT JAWATAN**

Jawatan : Ketua Kampus  
Universiti Teknologi Malaysia (Cawangan Pagoh)  
Tempoh Pelantikan : Tiga (3) tahun atau tertakluk kepada kelulusan  
Kementerian Pendidikan Tinggi

**2. KRITERIA UMUM: KOMPETENSI KEPIMPINAN**

i. **Jaringan dan Kolaborasi Strategik**

Kebolehan membangun, mengekal dan mengukuhkan jaringan dan kolaborasi menang-menang dengan rakan strategik mengikut pelan strategik jangka panjang untuk meningkatkan keterlihatan dan kredibiliti/ pengiktirafan Universiti.

ii. **Perancangan Strategik:**

Kebolehan untuk membangun, melaksanakan dan menilai hasil pelaksanaan pelan jangka panjang mengikut pelan strategik jangka panjang yang ditetapkan bagi merealisasikan visi dan misi Universiti.

iii. **Meneraju Perubahan:**

Kebolehan untuk menjangka, menerima dan memandu perubahan yang berterusan dan kekal relevan bagi mengekalkan daya saing dan kecemerlangan universiti.

iv. **Pengurusan dan Pembangunan Organisasi:**

Kebolehan memahami dan menilai aspek-aspek yang menyumbang kepada kecemerlangan organisasi berasaskan standard sistem pengurusan kualiti bagi meningkatkan daya saing Universiti.

v. **Kemahiran Membuat Keputusan:**

Kebolehan memahami, merancang, melaksana dan menganalisis kaedah dan pendekatan yang berkesan, tepat dan berkualiti bagi menghasilkan keputusan terbaik untuk mencapai kecemerlangan organisasi.

vi. **Integriti:**

Menunjukkan kesungguhan mengamalkan nilai-nilai murni dalam semua keadaan termasuk kata-kata, tingkah laku, tindakan dan keputusan yang dibuat berpandukan ketelusan, justifikasi yang jelas, pematuhan peraturan dan etika.

**3. CARA PERMOHONAN**

- Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi di pautan, [registrar.utm.my/kkc](http://registrar.utm.my/kkc).
- Tarikh tutup permohonan adalah sebelum atau pada **4 April 2025, jam 5:00 petang**.

- Calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek atau dipanggil temu duga.

## 6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada :

**Encik Mohd Zaires bin Md Daris**

Menjalankan Fungsi Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

E-mel : mohdzaires@utm.my

**Puan Norhafizah binti Mohd Hanapiyah**

Timbalan Pendaftar

Pejabat Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

E-mel : norhafizah@utm.my